

21 MAY 2003

MAHATHIR-PAKEJ

K'JAAN UMUM PAKEJ RM7.3 BLN UNTUK MANTAP PERTUMBUHAN EKONOMI

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Kerajaan hari ini mengumumkan pakej strategi baru bernilai RM7.3 bilion untuk membantu negara menghadapi ketidaktentuan global dan membantu sektor-sektor yang terjejas berikutan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengumumkan butiran mengenai pakej yang memberi tumpuan kepada empat strategi itu, berkata ia mengandungi 90 langkah untuk menggalakkan pelaburan swasta, memperkukuhkan daya saing negara, menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan "delivery system" (sistem penyampaian) kerajaan dan swasta serta untuk mengatasi kesan SARS.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata bagi membiayai pakej itu sebanyak RM1.7 bilion adalah dari bajet Persekutuan, RM2 bilion dari Bank Negara Malaysia (BNM) manakala institusi kewangan seperti Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Nasional dan Bank Pembangunan Infrastruktur dan Industri akan menyediakan RM3.6 bilion.

Institusi-institusi berkenaan akan mendapatkan sumber dana daripada mudah tunai berlebihan di pasaran terutama dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Dr Mahathir berkata pakej yang komprehensif itu antara lain akan memanfaatkan peniaga kecil yang lebih mudah mendapat kredit mikro bernilai RM1 bilion dengan kadar faedah 4.0 peratus dan pembayaran balik pula bergantung kepada viabiliti mudah tunai.

Katanya, pakej yang komprehensif itu juga mengandungi langkah-langkah spesifik untuk membendung kesan wabak SARS serta membantu mereka yang terbabit dengan penyakit itu.

Bagi membantu para doktor dalam tugas harian bagi membendung SARS, mereka akan dibayar elaun kritikal bulanan sebanyak RM400 manakala kakitangan perubatan lain akan dibayar RM200. Ia berkuatkuasa 1 April, 2003, dan pembayarannya dibuat sehingga wabak itu dihapuskan.

Bagi membantu mereka yang terlibat, khususnya dalam industri hospitaliti, pemberian diskaun 5.0 peratus terhadap bil elektrik untuk pengusaha-pengusaha hotel bermula 1 Jun, 2003 hingga 31 Dis, 2003.

Cukai jalan bagi teksi akan diberi pengurangan 50 peratus untuk tempoh enam bulan manakala hotel-hotel dan restoran dikecualikan daripada cukai perkhidmatan antara 1 Jue dan 31 Dis, 2003.

Pada masa yang sama, cukai perkhidmatan terhadap bilik "complimentary hotel" dimansuhkan mulai 1 Jun, 2003.

Bagi membantu aliran tunai para pengusaha dalam industri pelancongan, satu kemudahan jaminan bantuan khas berjumlah RM1 bilion disediakan.

Bagi pekerja yang gaji mereka dipotong oleh sebab perniagaan yang muram dalam industri, institusi perbankan akan menyediakan skim penyusunan dan penjadualan semula pinjaman mereka.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah awal dan tegas yang diambil kerajaan telah berjaya mencegah wabak SARS, satu hakikat yang diakui oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Namun tanpa usaha sepenuhnya daripada setiap individu bagi menjaga kebersihan, ancaman penyakit dan wabak tidak akan dapat diatasi, tegas Dr Mahathir.

Menurutnya, kerajaan akan memperuntukkan RM100 juta kepada pihak berkuasa tempatan bagi meningkatkan kerja-kerja pembersihan, termasuk memastikan kebersihan tandas awam.

Dr Mahathir berkata pakej itu termasuk penubuhan skim kredit mikro berjumlah RM500 juta dan dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) ditambah sebanyak RM200 juta, kedua-duanya diletakkan di bawah Bank Pertanian Malaysia (BPM) manakala satu lagi skim kredit mikro sebanyak RM300 juta diletakkan di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).

Pihak lain yang turut mendapat faedah daripada pakej itu termasuk industri kecil dan sederhana (IKS), petani dan nelayan.

Pengecualian cukai bagi IKS yang diberi status perintis dinaikkan kepada 100 peratus daripada 70 peratus manakala pendapatan statutori yang boleh digunakan untuk elaun pelaburan cukai juga dinaikkan kepada 100 peratus daripada 70 peratus.

Untuk menggalakkan ekuiti asing dalam IKS, ekuiti rakyat Malaysia akan dikurangkan kepada 60 peratus daripada 70 peratus manakala syarikat kecil hanya perlu salah satu kriteria untuk layak mendapat insentif berkenaan.

Mereka perlu mencapai sekurang-kurangnya 15 peratus nilai tambah atau mereka memberi sumbangan kepada pemangunan sosio-ekonomi di kawasan luar bandar.

Bagi IKS, Tabung Ekonomi bagi Usahawan (TEKUN) kna dinaikkan sebanyak RM200 juta manakala Bank Negara Malaysia akan memperuntukkan RM600 juta kepada Tabung IKS dan RM400 juta kepada TEKUN.

Kira-kira RM1 bilion akan ditambah kepada Tabung Makanan di bawah Bank Pertanian Malaysia manakala kira-kira 1,000 buah bot akan dibina untuk disewa-beli kepada nelayan yang akan membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Untuk menarika pelaburan langsung asing, garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) akan dijadikan lebih mesra-pelabur, kata perdana menteri.

Ia termasuk melanjutkan tempoh taraf peritis dan elaun cukai pelaburan di bawah skim pra-pakej dan memberikan elaun seumpama itu buat kali kedua bagi firma-firma penyelidikan dan pembangunan dan juga pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya bagi Ibu Pejabat Operasi.

Dalam memperolehi aset-aset tempatan, hanya peraturan pegangan bumiputera sebanyak 30 peratus diguna pakai manakala penyertaan 30 peratus bumiputera patut diseragamkan kecuali dilonggarkan oleh kerajaan.

Bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), mereka perlu mempunyai 30 peratus ekuiti Bumiputera hanya semasa penyenaian manakala pegangan ekuiti asing dilonggarkan untuk menarik lebih banyak ekuiti asing dalam syarikat-syarikat tersenarai selaras dengan cadangan Pelan Induk Pasaran Modal.

Kepentingan asing dibenar memperolehi hartanah berharga lebih daripada RM150,000 seunit dan bagi perolehan melebihi RM100 juta, syarikat boleh memohon pengecualian daripada garis panduan FIC, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Dr Mahathir berkata insentif akan juga diberikan kepada pasaraya besar dan syarikat-syarikat jualan langsung yang mengeksport produk buatan Malaysia.

Bagi menggalakkan pelajar bidang teknikal dan vokasional, Tabung Pembangunan Kemahiran akan disusun semula dengan suntikan sebanyak RM500 juta bagi tujuan latihan dan melatih semula pelajar baru dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta perakaunan.

Pemilikan rumah akan digalakkan di mana subsidi akan diberikan kepada para pembeli dengan cara pengenaan faedah cuma 3.0 peratus bagi tahun pertama bagi pinjaman untuk rumah berharga kurang RM100,000 atau tanpa faedah bagi pembayaran deposit 10 peratus daripada Bank Simpanan Nasional.

Bagi pinjaman daripada bank-bank lain, RM600 akan diberikan untuk pembelian rumah-rumah berharga kurang RM100,000.

Dr Mahathir berkata program yang dikenali sebagai Harapan Rakyat

Memiliki Perumahan (HARAPAN) akan merangsang ekonomi, mempertingkatkan prestasi akademik para pelajar, mengelakkan masalah sosial seperti budaya lepak sambil mengurangkan jurang antara golongan berada dan kurang berada.

Bagi rumah-rumah di antara RM100,000 dan RM180,000, pengecualian cukai RM5,000 akan diberikan bagi pinjaman bagi tahun-tahun taksiran bagi 2003, RM3,000 bagi 2004 dan RM2,000 bagi 2005, manakala pengecualian duti setem akan diberikan bagi rumah-rumah berharga kurang daripada RM180,000.

Cukai Keuntungan Hartanah akan juga dikecualikan untuk tempoh setahun mulai 1 Jun, 2003.

Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan juga akan membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana di mana Syarikat Perumahan Negara Berhad akan membina 150,000 unit yang akan diberi kepada kontraktor, iaitu satu langkah yang akan memberikan peluang perniagaan kepada mereka yang mempunyai rekod pencapaian yang baik.

Bagi meningkatkan pendapatan boleh digunakan rakyat, caruman KWSP akan juga dikurangkan kepada 9.0 peratus dari 11 peratus sekarang bagi selama setahun mulai 1 Jun, 2003.

"Adalah diharapkan agar Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan menyokong langkah ini," katanya.

Dalam usaha mengurangkan kos perniagaan, kerajaan telah memutuskan untuk mengurangkan kadar campur tangan Bank Negara sebanyak 50 mata asas. Kadar itu dikurangkan kali terakhir, juga pada margin yang sama, pada 20 Sept 2001.

Dr Mahathir berkata pengurangan kadar campur tangan itu akan memberi manfaat kepada mereka yang meminjam daripada bank-bank.

Perdana Menteri juga berkata sistem penyampaian di negara ini akan dijadikan lebih efektif dengan memberi kelulusan sijil menduduki sementara (CFO) yang lebih cepat dan juga menggunakan sistem fast track (lalu lintas pantas) bagi urusan pemberian milik dan penukaran kegunaan tanah.

Tempoh bagi memproses permit dan lesen perniagaan juga akan dipendekkan.

Dr Mahathir berkata sektor swasta seharusnya turut memperbaiki sistem penyampaian mereka.

Beliau juga berkata pakej itu akan membantu memperkukuhkan ekonomi bagi membolehkannya mencatat pertumbuhan lebih daripada 4.2 peratus yang dicapai pada 2002.

Ia juga memberi peluang kepada rakyat untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menekankan bahawa semua rakyat Malaysia perlu memberi kerjasama sepenuhnya dan sokongan padu serta memainkan peranan dengan lebih berkesan untuk memastikan kejayaan pakej itu. --

BERNAMA

MR SHY MKO OS